Buat kali pertamanya, Cawangan Melaka menganjurkan sesi pra dialog kepada ahli-ahli IAM, Malaysian Institute of Taxation (MIT), Taiwanese Investors Association dan Dewan Perniagaan Cina Cawangan Melaka pada awal bulan Mei yang lalu bagi membincangkan isu yang akan diserahkan bersama kepada LHDN Melaka. Isu tersebut yang kemudiannya diserahkan kepada LHDN pada sesi dialog tahunan dengan LHDN, telah diterima dengan baik kerana kini LHDN hanya perlu berurusan dengan isu dari sektor swasta dalam sesi yang sama tanpa perlu berurusan dengan isu-isu tersebut secara berasingan seperti tahun-tahun yang lepas. Dua minggu kemudian, Dialog Ahli telah diadakan di Melaka dengan kehadiran tiga orang Ahli Majlis iaitu, YBhg Datuk Abdul Halim Mohyiddin, Tuan Haji Muztaza Mohamad dan En. Yeo Tek Ling.

Dalam perancangan bagi bulan Julai 2002 ialah Kuiz Antara Universiti 2002 dengan MMU dimana tiba giliran Cawangan Melaka menganjurkannya. Tiga belas institusi pengajian tinggi telah mengesahkan penyertaan mereka. Turut dalam perancangan ialah kunjungam hormat ke Pejabat Pegawai Kewangan Negeri, YB Datuk Ahmad Rosli Joharie bagi membincangkan dengan lebih lanjut kerjasama antara akauntan di sektor swasta dan sektor awam disamping bertukar-tukar ide tentang isu-isu yang berkaitan dengan profesion perakaunan.

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Bagi tempoh yang dilaporkan ini, Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan tiga mesyuarat jawatankuasa. Satu program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) telah diadakan di Seremban dari 17 -18 April 2002 dengan kehadiran sepuluh orang ahli. Aktiviti sosial yang dianjurkan oleh Cawangan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli dan sesi ceramah petang dijadualkan berlangsung pada bulan Julai 2002.




2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

While no official dialogue was held with the Seremban Inland Revenue Board (IRB), several members of the Branch Committee met up with the officials from the IRB at an informal meeting at Wisma Hasil Dalam Negeri, Seremban on 15 May 2002. Branch Chairman, Mr Chan Siew Tong was present at the meeting together with Vice Chairman, Mr Tan Teng Chai and Committee Secretary Encik Ismail Set. The purpose of the meeting was to familiarise the Committee with senior officials of the IRB and to discuss details to organise a dialogue between the Branch and the Seremban IRB.

In order to attract more students to enter the accountancy profession, the Branch Chairman has suggested that an accountancy roadshow be held in schools, colleges and other institutions of higher learning in Negeri Sembilan. He has also called for more CPE courses to be held in the State.

PAHANG BRANCH



IRB representatives together with MIA Pahang Branch Committee Members.

Pahang Branch has been working jointly with the Inland Revenue Board (IRB) Kuantan and Raub branches to promote the self-assessment regime. During the year under review, the Branch had increased the number of seminars held in the State when compared to the corresponding period the previous year. It is hoped that more members will lend support to the Branch by attending future seminars. The year has been a rather active one for the Branch with quarterly meetings and a Members' Dialogue held to enable members to network and be informed about the changes to the profession.

KELANTAN CENTRE

It was a hectic year for the Centre with four Continuing Professional Education (CPE) programmes organized and four Centre meetings held.

The month of March 2002 was particularly busy. The Centre held a dialogue called 'Majlis Taklimat dan Dialog Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (Pindaan) (Bil. No: 7) Tahun 2001' with the Kota Bharu branch of the Royal Custom & Excise on the recent changes to the Service Tax 1975. The purpose of the dialogue was to enlighten members on the new changes and to resolve possible problem areas. A total of 27 members were in attendance. Then on 16 and 17 March 2002, a seminar on 'Application of Malaysian Accounting Standards Board (MASB) Standards: A Preparer's Perspective' was well received with 15 members in attendance. Another CPE seminar on 'New Tax Return (Forms C and R)' was held on 19 May 2002 for the benefit of practising members. A total of 23 members attended the talk.

The Members' Dialogue held in Kota Bharu on 6 June 2002 saw the presence of the Institute's Vice President Mr Albert Wong together with Council Members Mr Yeo Tek Ling and Mr Raymond Liew. During the dialogue, members were briefed on recent developments at the Institute and the accountancy profession. There were 20 members in attendance and they participated actively in the question and answer session.

On Centre activities, during the year, eight member firms agreed to work closely with the Centre on matters pertaining to public practice such as professional ethics on clearance, outstanding fee and client changing auditor. More importantly, the participating firms agreed on a set of minimum professional scale fee with the aim to provide healthy competition and to maintain high levels of professional services. The undertaking was agreed on a voluntary basis.

The Centre is now working on bench-marking industry performance on selected industries with the objective to assist clients bench-mark their performance against the industry standard. This project is aimed at providing value-added services to clients.

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

Memandangkan tiada dialog rasmi diadakan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Seremban, beberapa orang ahli Jawatankuasa Cawangan telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai dari LHDN pada mesyuarat tidak formal di Wisma Hasil Dalam Negeri, Seremban pada 15 Mei 2002. Pada mesyuarat tersebut, Pengerusi Cawangan, En. Chan Siew Tong hadir bersama-sama dengan Naib Pengerusi, En. Tan Teng Chai dan Setiausaha Jawatankuasa, Encik Ismail Set. Tujuan mesyuarat adalah untuk merapatkan hubungan antara Jawatankuasa dengan pegawai-pegawai kanan LHDN dan membincangkan secara terperinci dialog yang akan dianjurkan oleh Cawangan dengan LHDN Seremban.

Untuk menarik lebih ramai pelajar menyertai profesion perakaunan, Pengerusi Cawangan telah mencadangkan agar 'roadshow' perakaunan diadakan di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di Negeri Sembilan. Beliau juga berharap lebih banyak kursus-kursus CPE diadakan di negeri ini.

CAWANGAN PAHANG

Cawangan Pahang telah bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) cawangan Kuantan dan Raub untuk mempromosi regim taksir sendiri. Dalam tahun yang dilaporkan ini, Cawangan telah menambah bilangan seminar yang diadakan di negeri ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Adalah diharapkan lebih ramai ahli memberi sokongan kepada Cawangan dengan menghadiri seminar yang akan datang. Tahun ini merupakan tahun yang aktif bagi Cawangan, dengan mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan dan dialog antara ahli-ahli.

PUSAT KELANTAN

Tahun ini merupakan tahun yang sibuk bagi Pusat dengan menjalankan 4 program Pendidikan Professional Berterusan (CPE) dan empat mesyuarat Pusat.

Bulan Mac 2002 merupakan bulan yang paling sibuk. Pusat telah mengadakan dialog yang dipanggil 'Majlis Taklimat dan Dialog Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (Pindaan) (Bil. No: 7) Tahun 2001' dengan Jabatan Kastam Diraja dan Eksais cawangan Kota Bharu berkenaan dengan pindaan terkini Cukai Perkhidmatan 1975. Tujuan dialog tersebut adalah untuk menjelaskan kepada ahli-ahli tentang pindaan-pindaan baru dan untuk menyelesaikan masalah yang ada. Seramai 27 orang ahli telah hadir dalam dialog tersebut. Pada 16 dan 17 Mac 2002 pula, seminar tentang 'Aplikasi Piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB): Perspektif Penyedia' telah mendapat sambutan dengan kehadiran 15 orang ahli. Seminar CPE yang lain ialah tentang 'Borang Cukai Baru (Borang C dan R)' yang diadakan pada 19 Mei 2002 bagi memberi manfaat kepada ahli-ahli pengamal. Seramai 23 orang ahli telah menghadiri ceramah tersebut.

Dialog Ahli telah diadakan pada 6 Jun 2002 menyaksikan kehadiran Naib Presiden Institut, En Albert Wong berserta Ahli Majlis En Yeo Tek Ling dan En Raymond Liew. Melalui dialog tersebut, ahli-ahli telah dimaklumkan tentang perkembangan terkini Institut dan profesion perakaunan. Terdapat seramai 20 orang ahli meyertai dialog tersebut dan melibatkan diri dengan aktif dalam sesi soal jawab.

Bagi aktiviti Pusat sepanjang tahun ini pula, lapan ahli firma telah bersetuju untuk bekerjasama rapat dengan Pusat bagi urusan berkaitan amalan awam seperti etika professional tentang penjelasan, yuran tertunggak dan klien menukar juruauditnya. Lebih penting lagi, firma-firma yang turut serta bersetuju dengan satu set skala yuran profesional minimum dengan matlamat menyediakan persaingan yang sihat dan mengekalkan tahap tertinggi perkhidmatan professional. Persetujuan dicapai berasaskan sukarela.

Kini Pusat sedang mengusahakan tanda aras pencapaian industri bagi industri tertentu dengan objektif membantu klien menyediakan tanda aras bagi pencapaian mereka berbanding piawaian industri. Projek ini bertujuan menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada klien.



TERENGGANU CENTRE

During the period under review, a number of Continuing Professional Education (CPE) seminars were held in Terengganu. These include a two-day seminar on Malaysian Accounting Standards Board (MASB) Standards, a one day seminar on winding up of companies, a one day seminar on new tax returns and a half day seminar on the 2002 Budget proposals.

On 28 April 2002, representatives from the Centre Committee paid a courtesy visit to Puan Asmah Embong, Head of the Kuala Terengganu Inland Revenue Assessment Branch, who was due for transfer to another state.

On 11 May 2002, the Institute's Vice President, Mr Albert Wong, and Council Members, Mr Yeo Tek Ling and Mr Raymond Liew held a Members' Dialogue in Kuala Terengganu. The dialogue was well received by members from all sectors, i.e. public practice, commerce and industry, academia and Government sector.

Membership services for the Institute's members in the academia as well as those primarily involved in the oil and gas industry in the Paka-Kerteh region are not neglected. The Committee is looking into the needs of these members and is planning to hold relevant CPE courses in due time.

JOHOR BRANCH

It was a productive and eventful year for Johor Branch. During the period under review, three Branch newsletters were issued to members, one each in August and December 2001 and another in May 2002.

The Johor Branch once again sponsored the Inter Accounting Firms Games (IAFG) 2001 organised by M/S Deloitte Kassim Chan's Sports Club. Thirteen accounting firms participated in the Games that stretched from 25 August to end September 2001 with Ernst & Young (Johor Bahru branch) emerging as the overall winner. Among the events were badminton, basketball, bowling, netball, soccer, table tennis and volleyball. A Johor Branch Committee member was on the Games organising committee. To celebrate the success of the Games, a dinner was held in Johor Bahru on 5 October 2001.

On 29 August 2001, Branch Chairman, Mr Sam Soh together with a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) attended the Johor Bahru City Council Consultative Joint Committee meeting where they raised the issue of Council delays in approving premises licences.

At the 7th Inter-Professional Golf Tournament organised by Pertubuhan Arkitek Malaysia (Southern branch), two of the five members of MIA representing Johor Branch teed off to an impressive score to win themselves some prizes. The tournament was held on 18 September 2001 at Pulau Spring Golf, Skudai.

Approximately 460 guests and members thoroughly enjoyed themselves at the Branch Annual Dinner on 26 October 2001. MIA President Dr. Abdul Samad Haji Alias was present together with Mr Sam Soh to welcome the Guest of Honour YB Tuan Haji Mohamed Khaled Nordin, the Deputy Minister of Works, who is also Member of Parliament for Johor Bahru. Amidst the excitement of lucky draws and live entertainment, Mr Sam Soh, on behalf of the Johor Branch, presented a memento to former Branch Chairman and Council Member Mr Tony Seah Cheoh Wah for his significant contributions to the Branch during his term in office.

A total of three tax dialogues were held during the review period. At the closed door Johor Bahru Tax Dialogue with the Inland Revenue Board (IRB) on 17 April 2002, MIA was represented by the Branch Chairman and four members of the Taxation Sub-committee. Earlier, the Branch had submitted a Memorandum on various tax issues and queries including tax operational, administrative and technical matters and problems. Also present at this dialogue were representatives from the Malaysian Institute of Taxation (MIT) and Malaysian Association of Tax Accountants (MATA) together with the respective IRB department heads. Madam Ng Oi Leng, the Branch Head of IRB Johor Bahru chaired the dialogue held at the IRB office in Tampoi. A copy of the minutes of this dialogue was sent to all Johor MIA members in May 2002.



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

PUSAT TERENGGANU

Dalam tempoh yang dilaporkan ini, sejumlah seminar Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) telah diadakan di Terengganu. Ini termasuklah seminar dua hari tentang Piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), seminar sehari tentang pembubaran syarikat, seminar sehari tentang pulangan cukai yang baru dan seminar separuh hari tentang cadangan Belanjawan 2002.

Pada 28 April 2002, wakil dari Jawatankuasa Pusat mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Puan Asmah Embong, Ketua Cawangan Penilaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Kuala Terengganu, yang akan bertukar ke negeri lain.

Pada 11 Mei 2002, Naib Preseiden Institut, En. Albert Wong, dan Ahli Majlis, En. Yeo Tek Ling dan En. Raymond Liew telah mengadakan Dialog Ahli di Kuala Terengganu. Dialog tersebut telah mendapat sambutan baik ahli-ahli dari semua sektor, contohnya, amalan awam, komersial dan industri, akademik dan sektor Kerajaan.

Perkhidmatan untuk ahli-ahli Institut dalam bidang akademik serta mereka yang terlibat secara langsung dalam industri minyak dan gas di daerah Paka-Kerteh tidak diabaikan. Jawatankuasa sedang meneliti keperluan ahli-ahli tersebut dan bercadang untuk mengadakan kursus-kursus CPE yang sesuai sedikit masa lagi.

CAWANGAN JOHOR

Tahun ini merupakan tahun yang produktif dan cemerlang bagi Cawangan Johor. Dalam tempoh yang dilaporkan, tiga surat pekeliling Cawangan telah dikeluarkan kepada ahli-ahli, iaitu pada bulan Ogos dan Disember 2001 dan satu lagi pada bulan Mei 2002.

Sekali lagi Cawangan Johor menaja Sukan Antara Firm-firma Perakaunan 2001 yang dianjurkan oleh Kelab Sukan M/S Deloitte Kassim Chan. Tiga belas firma perakaunan mengambil bahagian dalam sukan tersebut yang berlangsung dari 25 Ogos hingga ke penghujung bulan September 2001 dengan Ernst & Young (cawangan Johor Bahru) dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan. Antara acara yang dijalankan ialah badminton, bola keranjang, boling, bola jaring, bola sepak, ping pong dan bola tampar. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Cawangan Johor dilantik sebagai jawatankuasa penganjur Sukan tersebut. Bagi meraikan kejayaan Sukan tersebut, jamuan makan malam telah diadakan di Johor Bahru pada 5 Oktober 2001.

Pada 29 Ogos 2001, Pengerusi Cawangan, En. Sam Soh bersama-sama dengan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (IAM) telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penasihat Majlis Perbandaran Johor Bahru dan antara isu yang dibangkitkan ialah kelewatan Majlis meluluskan lesen premis.

Semasa Pertandingan Golf Antara Profesional yang ke-7, anjuran Pertubuhan Arkitek Malaysia (cawangan Selatan), dua daripada lima orang ahli IAM yang mewakili Cawangan Johor telah memungut mata yang membanggakan dan memenangi beberapa hadiah. Pertandingan tersebut telah diadakan pada 18 September 2001 di Pulau Spring Golf, Skudai.

Lebih kurang 460 orang tetamu dan ahli telah menghadiri Majlis Makan Malam Cawangan yang diadakan pada 26 Oktober 2001. Presiden IAM, Dr. Abdul Samad Haji Alias turut hadir bersama-sama dengan En. Sam Soh bagi mengalu-alukan kehadiran Tetamu Kehormat, YB. Tuan Haji Mohamed Khaled Nordin, Timbalan Menteri Kerjaraya, yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru. Di samping kemeriahan cabutan bertuah dan pertunjukan pentas, En. Sam Soh, bagi pihak Cawangan Johor, turut menyampaikan momento kepada bekas Pengerusi Cawangan dan Ahli Majlis En. Tony Seah Cheoh Wah atas sumbangan beliau kepada Cawangan sepanjang penglibatannya.

Sebanyak tiga siri dialog percukaian diadakan sepanjang tahun yang dilaporkan ini. Dialog Cukai Johor Bahru tertutup dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang diadakan pada 17 April 2002, IAM telah diwakili oleh Pengerusi Cawangan dan empat ahli Jawatankuasa Kecil Percukaian. Sebelum itu, Cawangan telah menyerahkan Memorandum berkenaan dengan pelbagai pertanyaan dan isu tentang cukai, termasuklah operasi cukai, pentadbiran serta urusan dan masalah teknikal. Turut hadir dalam dialog tersebut ialah wakil-wakil dari Malaysian Institute of Taxation (MIT) dan Malaysian Association of Tax Accountants (MATA), bersama-sama dengan ketua jabatan LHDN yang terbabit. Puan Ng Oi Leng, Ketua Cawangan LHDN Johor Bahru telah mempengerusikan dialog yang diadakan di pejabat LHDN di Tampoi. Sesalinan minit mesyuarat dialog telah dihantar kepada semua ahli IAM di Johor pada bulan Mei 2002.



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

Over 40 MIA, MIT and MATA members from Batu Pahat, Kluang and Yong Peng together with the respective IRB heads attended the Kluang Tax Dialogue chaired by Puan Hajjah Noor Mansor, the Head of IRB Kluang on 2 May 2002. It was a very productive exchange of views on tax matters and queries ranging from S108 credit/Form R, field audit, self assessment system to payment and refund of tax, among others.

Council Members Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Encik Abdul Rahim Abdul Hamid, Mr Raymond Liew and YBhg Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed together with the Chairman of the Small Practitioners' Working Group, Mr Peter Lim and Mr Sam Soh had a fruitful session with 80 MIA members at the MIA Members' Dialogue on 22 May 2002. Apart from being enlightened on the Institute's new strategic direction and revised By-Laws, members also raised pertinent questions relating to practice review, scale fees, globalisation, liberalisation of trade in services and public perception of the profession.

A seminar on Service Tax organised by the Johor Branch Customs Department on 6 June 2002 received good response with 80 MIA members and their clients in attendance. Also present were the Head of the Johor Customs Department and Mr Sam Soh.

The third tax dialogue for the period was held in Muar on 20 June 2002 with over 30 MIA, MIT and MATA members from Muar and Segamat in attendance. Muar IRB Head, Tuan Haji Mohd Ali chaired the dialogue that saw a lively exchange of views on tax matters and queries ranging from the new self assessment system to field audit and tax refunds.

To date, the Branch has organised four induction courses for new MIA members and seven Continuing Professional Education (CPE) courses & seminars for members and non-members in subjects ranging from the 2002 tax budget, self assessment system and field audit, cheque fraud, voluntary winding up to the amended Employment Act. The Branch Chairman has also attended to numerous members' queries and problems in respect of membership applications, audit licence applications, tax technical and operational matters in addition to liaising with the Secretariat in Kuala Lumpur on behalf of members.

SABAH BRANCH

Sabah Branch Office in Kota Kinabalu is managed by a Branch Manager, an Administrative Executive and an Administrative Assistant. The Branch Office, located at Lot 6, 2nd Floor, Block A, Damai Point Commercial Centre in Luyang, Kota Kinabalu is the regular venue for all committee meetings, members' induction courses, career talks, certificate presentation ceremonies, toastmasters' activities, evening talks, dialogues, fellowship gatherings and all other members' activities.

In January 2002, the Council re-appointed 12 members to the Sabah Branch Committee. In addition to the Branch, there are three Chapters and four Sub-committees. The Chapters are represented by the Chapter Chairman in Sabah Branch Committee. For the year under review, the number of members in each Committee, Chapter and Sub-committee was as follows :-

Sabah Branch	12
Labuan Chapter	7
Sandakan Chapter	5
Tawau Chapter	6
CPE Sub-committee	4
PPT Sub-committee	10
Sports & Social Sub-committee	6
Annual Dinner Sub-committee	10

During the financial year, total membership increased from 540 to 593 and four induction courses were conducted in Sabah Branch Office.



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

Pada 2 Mei 2002, lebih daripada 40 orang ahli IAM, MIT dan MATA dari Batu Pahat, Kluang dan Yong Peng bersama-sama dengan ketua LHDN yang berkenaan telah menghadiri Dialog Cukai Kluang yang dipengerusikan oleh Puan Hajjah Noor Mansor, Ketua LHDN Kluang. Ia merupakan tempat bertukar-tukar pendapat yang sangat produktif tentang isu-isu percukaian dan soalan-soalan berkisar dari, antara lainnya, S108 kredit/Borang R, audit kerja luar, sistem taksir sendiri hingga ke pembayaran dan pemulangan semula cukai.

Ahli Majlis Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Encik Abdul Rahim Abdul Hamid, En. Raymond Liew dan YBhg Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed bersama-sama dengan Pengerusi Kumpulan Kerja Pengamal-pengamal Kecil, En. Peter Lim dan En. Sam Soh mengadakan perjumpaan dengan jayanya bersama 80 orang ahli IAM di Dialog Ahli IAM pada 22 Mei 2002. Selain daripada penjelasan tentang arah strategik Institut yang baru dan Undang-undang Kecil yang disemak semula, ahli-ahli juga mengajukan persoalan berkenaan dengan semakan semula amalan, skala yuran, globalisasi, liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan dan persepsi umum tentang profesion.

Seminar tentang Cukai Perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan Kastam Cawangan Johor pada 6 Jun 2002 telah mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran 80 orang ahli IAM serta klien-klien mereka. Turut hadir ialah Ketua Jabatan Kastam Johor dan En. Sam Soh.

Dialog cukai yang ketiga bagi tempoh ini telah diadakan di Muar pada 20 Jun 2002 dengan kehadiran lebih daripada 30 orang ahli MIA, MIT dan MATA dari Muar dan Segamat. Ketua LHDN Muar, Tuan Haji Mohd Ali mempengerusikan dialog tersebut yang menyaksikan pertukaran pendapat berkenaan dengan percukaian dan soalan-soalan bermula dari sistem taksir sendiri yang baru kepada audit kerja luar dan pemulangan semula cukai.

Sehingga kini, Cawangan telah menganjurkan empat kursus induksi untuk ahli-ahli IAM yang baru dan tujuh kursus dan seminar Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) kepada ahli-ahli dan bukan ahli dalam pelbagai bidang, bermula dari belanjawan cukai 2002, sistem taksir sendiri dan audit kerja luar, penipuan cek, pembubaran sukarela, sehinggalah kepada pindaan Akta Kerja. Pengerusi Cawangan turut menangani pelbagai soalan dan masalah ahli-ahli tentang permohonan keahlian, permohonan lesen audit, perkara-perkara teknikal dan operasi cukai di samping berurusan dengan Sekretariat di Kuala Lumpur bagi pihak ahli-ahli.

CAWANGAN SABAH

Pejabat Cawangan Sabah di Kota Kinabalu diuruskan oleh Pengurus Cawangan, Eksekutif Pentadbiran dan Pembantu Pentadbiran. Pejabat Cawangan yang terletak di Lot 6, Tingkat 2, Blok A, Pusat Komersial Damai di Luyang, Kota Kinabalu, merupakan tempat menjalankan semua mesyuarat jawatankuasa, kursus induksi keahlian, ceramah kerjaya, majlis penyampaian sijil, aktiviti 'toastmaster', ceramah-ceramah petang, dialog dan perjumpaan dan lain-lain aktiviti yang melibatkan ahli-ahli.

Pada Januari 2002, Majlis telah melantik semula 12 orang ahli ke dalam Jawatankuasa Cawangan Sabah. Sebagai tambahan, terdapat 3 Bahagian dan 4 Jawatankuasa Kecil. Setiap Bahagian diwakili oleh Pengerusi Bahagian dalam Jawatankuasa Cawangan Sabah. Untuk tempoh yang dilaporkan itu, bilangan ahli dalam setiap Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Kecil adalah seperti yang berikut :

Cawangan Sabah	12
Bahagian Labuan	7
Bahagian Sandakan	5
Bahagian Tawau	6
Jawatankuasa Kecil CPE	4
Jawatankuasa Kecil PPT	10
Jawatankuasa Kecil Sukan & Sosial	6
Jawatankuasa Kecil Majlis Makan Malam	10

Sepanjang tahun kewangan ini, jumlah keahlian telah bertambah daripada 540 kepada 593 dan sebanyak 4 kursus induksi telah dijalankan di pejabat Cawangan Sabah.



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

	JUNE 2001	JUNE 2002
Kota Kinabalu	384	414
Sandakan	68	82
Tawau	47	47
Labuan	33	41
Lahad Datu	3	3
Keningau	2	2
Membakut	1	
Papar	2	2
Kota Belud		1
Tuaran		1
Sipitang		1
Total	<u>540</u>	<u>593</u>

Sabah Branch conducted monthly Branch Committee meetings in its Branch Office in Kota Kinabalu. From July 2001 to June 2002 the total number of meetings held by the Branch, Chapters and Sub-committees were as follows :-

	Jul - Dec	Jan - June
Branch	3	6
Public Practice Tax	1	1
Sports & Social	8	8
Annual Dinner		3
Labuan Chapter	1	2
Sandakan Chapter	1	1
Tawau Chapter	2	3
Toastmasters Club	10	6
Toastmasters ExCo		1
Toastmaster AGM		1

Sabah Branch was one of the very first bodies of professional members in Kota Kinabalu to participate in the Green Office Project. Besides the Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) recycling project, the Sports and Social Committee organised many interesting activities like yoga, hip-hop aerobics and karaoke for members. The 2002 Inter Professional Games will be played from July to October and will include bowling, golf, football, volleyball, badminton, basketball, dart and pool with a closing dinner on 25 October 2002.

During the year, the Branch Committee paid courtesy calls on the Chief Minister of Sabah, YAB Datuk Chong Kah Kiat; State Minister of Finance, YB Datuk Musa Haji Aman; Kota Kinabalu City Mayor, YBhg Kol. Datuk Hj Abd Ghani Hj Abd Rashid; President of Sandakan Municipal Council, YBhg Datuk Dayang Adeline Leong; Vice Chancellor of University Malaysia Sabah, YBhg Professor Datuk Seri Panglima Dr Abu Hassan Othman; and the Senior Assistant Director of IRB FT Labuan, Noor Azizah Moh Ramthan to promote the Institute and to inform all relevant authorities of the functions of MIA and the public practice services provided by members.

With the implementation of the Revised By-Laws, Sabah Branch held talks for members in Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan. In June 2002, the President, Dr. Abdul Samad Haji Alias, Public Practice Committee Chairman Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff and Council Member Encik Abdul Rahim Abdul Hamid conducted a Practitioners' and Members' Dialogue in Kota Kinabalu to a record breaking attendance by 118 members.



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

	JUN 2001	JUN 2002
Kota Kinabalu	384	414
Sandakan	68	82
Tawau	47	47
Labuan	33	41
Lahad Datu	3	3
Keningau	2	2
Membakut	1	
Papar	2	2
Kota Belud		1
Tuaran		1
Sipitang		1
Jumlah	540	593

Cawangan Sabah menjalankan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Cawangan di pejabat Cawangan di Kota Kinabalu. Daripada bulan Julai 2001 sehingga Julai 2002, jumlah mesyuarat yang diadakan oleh Cawangan, Bahagian dan Jawatankuasa Kecil adalah seperti yang berikut :

	Jul - Dis	Jan - Jun
Cawangan	3	6
Amalan Awam Percukaian	1	1
Sukan & Sosial	8	8
Majlis Makan Malam		3
Bahagian Labuan	1	2
Bahagian Sandakan	1	1
Bahagian Tawau	2	3
Kelab Toastmaster	10	6
Exco Toastmaster		1
AGM Toastmaster		1

Cawangan Sabah merupakan badan ahli profesional yang pertama di Kota Kinabalu yang terlibat dalam Projek Pejabat Hijau. Selain projek kitar semula Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Jawatankuasa Sukan & Sosial mengadakan pelbagai aktiviti menarik seperti yoga, hip-hop aerobik dan karaoke kepada ahli-ahli. Sukan Antara Profesional 2002 akan dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober, antaranya mengadakan acara boling, golf, bola tampar, bola keranjang, dart dan pool serta makan malam sebagai acara penutup pada 25 Oktober 2002.

Sepanjang tahun, Jawatankuasa Cawangan telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Chong Kah Kuat; Menteri Kewangan Negeri, YB Datuk Musa Bin Haji Aman; Datuk Bandar Kota Kinabalu, YBhg Kol. Datuk Haji Abd Ghani Hj Abd Rashid; Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, YBhg Datuk Dayang Adeline Leong; Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, YBhg Profesor Datuk Seri Panglima Dr Abu Hassan Othman; dan Penolong Pengarah Kanan LHDN Persekutuan Labuan, Noor Azizah Moh Ramthan untuk mempromosikan Institut dan untuk memaklumkan badan-badan berkuasa yang berkenaan tentang fungsi-fungsi IAM serta perkhidmatan amalan awam yang disediakan oleh ahli-ahli.

Dengan terlaksananya Pindaan Undang-undang Kecil, Cawangan Sabah mengadakan ceramah-ceramah kepada ahli-ahli di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Dalam bulan Jun 2002, Presiden, Dr Abdul Samad Haji Alias, Pengerusi Jawatankuasa Amalan Awam, En. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dan Ahli Majlis, En. Abdul Rahim Abdul Hamid mengadakan Dialog Ahli dan Pengamal di Kota Kinabalu yang berjaya memecahkan rekod kehadiran iaitu seramai 118 orang ahli.



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

Sabah Branch Annual Dinner for 2001 was held in Kota Kinabalu and was graced by the presence of the State Minister of Finance YB Datuk Musa Haji Aman. The Committee is organising the 2002 Sabah Branch Annual Dinner to be held on 26 October 2002 in Kota Kinabalu.

Continuing Professional Education (CPE) programmes were conducted regularly to educate and re educate members. In addition to the following CPE programmes organised by the Head Office, Sabah Branch CPE Sub-committee and Chapters Committees organised a number of evening talks :-

	CPE	Evening Talks
Kota Kinabalu	9	8
Sandakan	4	2
Tawau	4	2
Labuan	2	3

Topics such as ABC Management, Parliamentary Procedures, Wealth Distribution, Recycle for a Better Future, Knowledge Management, Eight Quality Management Principles and Strategies for Change were well accepted by members, especially those who were unable to attend full day programmes. According to feedback from members who attended, the variety of other non technical subjects were appreciated.

Sabah Branch Chairperson, Mrs Alexandra Thien welcomed members to support the monthly activities and to participate in the various events organised by all the hard working members of the Committees, Chapters and Sub-committees in Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan. She congratulated all Committees and members for making Sabah one of the most, if not the most active, branches in Malaysia.

SARAWAK BRANCH

Sarawak Branch Office is located on the first floor of the Ultimate Professional Centre of 16, Jalan Bukit Mata Kuching, Kuching. It is the centre for all meetings, members' induction courses, dialogues, career talks, members' briefings, certificate presentation ceremonies, examinations and other members' activities.

The Office is supported by a Branch Manager and two administrative assistants. It comprises of a general office, Branch Manager's room, Branch Chairman's room and a conference room cum library. The library's reference collection includes technical manuals on tax, audit, company law, among others, and also professional course manuals contributed by ACCA and CIMA.

Members are widely distributed in this largest state in Malaysia, with 65 per cent concentrated in the capital city of Kuching. During the year, the State saw an increase of 76 new members from 827 to 903 with seven induction courses conducted.

	JUNE 2001	JUNE 2002
Kuching	531	581
Serian	1	1
Sibu	144	147
Sri Aman	1	1
Sarikei	2	1
Bintangor	1	1
Miri & Lutong	104	124



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

Makan Malam Tahunan Cawangan Sabah bagi 2001 diadakan di Kota Kinabalu dan diserikan dengan kehadiran Menteri Kewangan Negeri, YB Datuk Musa Hj. Aman. Jawatankuasa akan menganjurkan Majlis Makan Malam Tahunan 2002 Cawangan Sabah, pada 26 Oktober di Kota Kinabalu.

Program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) kerap diadakan untuk mendidik dan mendidik semula untuk para ahli. Sebagai tambahan kepada program-program CPE yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat, Jawatankuasa Kecil Cawangan Sabah dan Jawatankuasa Bahagian-bahagian juga mengadakan beberapa siri ceramah petang:

	CPE	Ceramah Petang
Kota Kinabalu	9	8
Sandakan	4	2
Tawau	4	2
Labuan	2	3

Topik-topik seperti Pengurusan ABC, Prosedur-Prosedur Parlimen, Pengagihan Kekayaan, Kitar Semula untuk Masa Depan, Pengurusan Pengetahuan, 8 Prinsip dan Strategi Berkualiti Untuk Perubahan diterima baik oleh ahli-ahli, terutama kepada mereka yang tidak dapat menghadiri program sehari suntuk. Daripada maklum balas ahli-ahli yang hadir, kepelbagaian subjek bukan teknikal yang lain adalah dialu-alukan.

Pengerusi Cawangan Sabah, Pn. Alexandra Thein mengalu-alukan sokongan ahli-ahli terhadap aktiviti-aktiviti bulanan dan penyertaan mereka dalam pelbagai acara yang dijalankan dengan bersungguh-sungguh oleh semua ahli di peringkat Jawatankuasa, Bahagian dan Jawatankuasa Kecil di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua Jawatankuasa dan ahli-ahli yang menjadikan Sabah sebagai salah satu cawangan paling aktif, walaupun bukan cawangan paling teraktif di Malaysia.

CAWANGAN SARAWAK



Hari Terbuka Akauntan Cawangan Sarawak dirasmikan oleh YB Encik Chan Seng Kai, Datuk Bandar, Kuching Selatan

Pejabat Cawangan Sarawak terletak di tingkat satu, Ultimate Professional Centre, 16, Jalan Bukit Mata Kuching, Kuching. Ia merupakan pusat untuk semua mesyuarat, kursus induksi ahli, dialog, ceramah kerjaya, penerangan kepada ahli-ahli, majlis penyampaian sijil, peperiksaan dan aktiviti-aktiviti lain untuk ahli-ahli.

Pejabat ini disokong oleh Pengurus Cawangan dan dua orang pembantu pentadbiran. Ia terdiri dari pejabat am, bilik Pengurus Cawangan, bilik Pengerusi Cawangan dan sebuah bilik persidangan merangkap perpustakaan. Koleksi rujukan perpustakaan termasuklah panduan teknikal antaranya tentang cukai, audit, undang-undang syarikat, dan juga

panduan kursus-kursus profesional yang disumbangkan oleh ACCA dan CIMA.

Ahli-ahli berada di merata tempat di negeri yang terbesar di Malaysia ini, dengan 65 peratus bertumpu di pusat Bandar Kuching. Pada tahun ini, Sarawak menyaksikan pertambahan ahli-ahli baru seramai 76 orang, dari 827 kepada 903 orang dan menganjurkan tujuh kali kursus induksi.

	JUN 2001	JUN 2002
Kuching	531	581
Serian	1	1
Sibu	144	147
Sri Aman	1	1
Sarikei	2	1
Bintangor	1	1
Miri & Lutong	104	124



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

Batu Niah	1	
Bintulu	40	45
Limbang	2	2
Total	<u>827</u>	<u>903</u>

Sarawak Branch was established as a branch of the Institute in 1988. Branch Chairman, Mr David Tiang Kung Seng and the Branch Committee comprising 13 members were re appointed by the MIA Council in January 2002 for a second term of service. Because of the geographical expanse of the State, three Chapters namely Sibu, Miri and Bintulu Chapters were established over the years. The Chapter Chairman represents the Chapter in the main Sarawak Branch Committee. At the three local Chapters there were 11 committee members in Sibu, 12 in Miri and nine in Bintulu. The following number of Branch, Chapters and Sub-committee meetings were held during the year:-

Branch Committee	7
Public Practice Tax Committee	3
Education Committee	1
FMAC Committee	1
Conference Committee	2
Sports & Social Committee	7
Inter Professional Games	7
Sibu Annual Dinner Committee	6
Branch Annual Dinner Committee	2
Sibu Chapter Committee	4
Miri Chapter Committee	3
Bintulu Chapter Committee	3

During the year a total of 15 Continuing Professional Education (CPE) programmes were conducted in the Branch and Chapters:-

Kuching	7
Sibu	3
Miri	3
Bintulu	2

The Education Committee together with the Branch Manager presented regular career talks to students in secondary schools, colleges, institutions of higher learning and universities in Kuching. Likewise Chapters in Miri and Bintulu organised annual career talks to promote accountancy to secondary school students. The Branch also participated in education fairs to meet students, teachers and parents aimed at promoting the Institute and accountancy studies.

The Branch was actively involved with various social and community events. Members contributed towards the statewide continuing Accountants Care Too Project with members and Committee donating blood to the Blood Bank, soft toys for sick children in Sarawak General Hospital during the December festive time of Christmas and Hari Raya and used clothing for a local charitable body for their resale project. At the Chapters, the Committee each selected and "adopted " one school and donated school bags and uniforms for the less privileged pupils identified by the school.

After more than ten years, Sibu Chapter hosted the Branch Annual Dinner for the second time in October 2001 which was graced by the presence of YB Datuk Wong Soon Koh, the Sarawak State Minister of Industrial Development. The Dinner was attended by MIA President, Dr. Abdul Samad Haji Alias and Council Member, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff and among the invited guests were YB Encik Robert Lau Hoi Chew, Sibu Mayor and other local Members of Parliament. Bintulu Chapter held its first Annual Chapter Dinner successfully in March 2002. For 2002, the Branch Annual Dinner is scheduled to be on 5 October in Kuching.



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

Batu Niah	1	
Bintulu	40	45
Limbang	2	2
Jumlah	827	903

Cawangan Sarawak telah ditubuhkan sebagai cawangan Institut pada tahun 1988. Pengerusi Cawangan, En. David Tiang Kung Seng dan Jawatankuasa Cawangan yang terdiri daripada 13 orang ahli telah dilantik semula oleh Majlis IAM pada bulan Januari 2002 untuk berkhidmat bagi penggal yang kedua. Disebabkan oleh keluasan geografi negeri ini, tiga buah Bahagian telah ditubuhkan dan dinamai Bahagian Sibu, Miri and Bintulu. Pengerusi Bahagian mewakili Bahagiannya dalam Jawatankuasa utama Cawangan Sarawak. Di setiap Bahagian tempatan tersebut, terdapat 11 orang jawatankuasa di Sibu, 12 orang di Miri dan 9 orang di Bintulu. Berikut adalah jumlah mesyuarat yang diadakan oleh Cawangan, Bahagian dan Jawatankuasa Kecil sepanjang tahun :-

Jawatankuasa Cawangan	7
Jawatankuasa Cukai Amalan Awam	3
Jawatankuasa Pendidikan	1
Jawatankuasa FMAC	1
Jawatankuasa Persidangan	2
Jawatankuasa Sukan dan Sosial	7
Sukan Antara Profesional	7
Jawatankuasa Majlis Makan Malam Sibu	6
Jawatankuasa Majlis Makan Malam Cawangan	2
Jawatankuasa Bahagian Sibu	4
Jawatankuasa Bahagian Miri	3
Jawatankuasa Bahagian Bintulu	3

Sepanjang tahun ini sebanyak 15 program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) telah dianjurkan di cawangan dan bahagian :-

Kuching	7
Sibu	3
Miri	3
Bintulu	2

Jawatankuasa Pendidikan bersama-sama dengan Pengurus Cawangan telah menyampaikan ceramah kerjaya kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah, kolej-kolej, institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti-universiti di Kuching. Bahagian Miri dan Bintulu juga menganjurkan ceramah kerjaya tahunan untuk menggalakkan perakaunan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Cawangan turut mengambil bahagian dalam pesta pendidikan untuk berjumpa dengan para pelajar, guru dan ibu bapa bagi mempromosi institut dan pengajian perakaunan.

Cawangan bergiat aktif dalam pelbagai acara sosial dan kemasyarakatan. Ahli-ahli memberi sumbangan melalui projek yang dijalankan secara berterusan iaitu Projek 'Accountants Care Too' di mana ahli-ahli dan Jawatankuasa menderma darah kepada Bank Darah, anak-anak patung untuk kanak-kanak yang berada di Hospital Besar Sarawak semasa sambutan Krismas dan Hari Raya pada bulan Disember dan juga baju-baju terpakai didermakan kepada badan kebajikan tempatan untuk projek jualan semula mereka. Di peringkat Bahagian, setiap Jawatankuasa memilih dan 'menjadikan anak angkat' sebuah sekolah dan menderma beg-beg sekolah serta pakaian seragam kepada pelajar-pelajar yang kurang mampu, yang telah dikenal pasti oleh pihak sekolah.

Setelah sepuluh tahun, Bahagian Sibu menganjurkan Majlis Makan Malam Tahunan Cawangan buat kali yang kedua pada bulan Oktober 2001 yang diserikan dengan kehadiran Y.B. Datuk Wong Soon Koh, Menteri Pembangunan Industri Negeri Sarawak. Majlis makan malam tersebut telah dihadiri oleh Presiden IAM, Dr. Abdul Samad Haji Alias dan Ahli Majlis, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff. Manakala antara tetamu jemputan yang hadir ialah YB En Robert Lau Hoi Chew, Datuk Bandar Sibu dan beberapa orang ahli Parlimen tempatan. Bahagian Bintulu mengadakan Majlis Makan Malamnya yang pertama dengan jayanya pada bulan Mac 2002. Bagi tahun 2002, Majlis Makan Malam Cawangan dijadualkan pada 5 Oktober di Kuching.



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS

Dialogues with IRB, practitioners, members and member firms were organised as a forum for discussion. In April 2002 Dr. Abdul Samad Haji Alias and Public Practice Chairman, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff and Council Members Tuan Haji Muztaza Mohamad and Assoc. Prof. Dr. Nafsiah Mohamed conducted a Practitioners' and Members' Dialogue in Kuching to discuss the strategic vision of the Institute. Following this dialogue, the Branch Chairman conducted similar dialogues with members in Sibul, Miri and Bintulu.

The Sarawak Branch Chairman thanked all past and present Committee members for their valuable contributions and looked forward to another eventful year. He encouraged all members to play an active role in the Branch activities and to make full use of the library and other facilities provided in Kuching office.



LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2002

Dialog dengan LHDN, pengamal-pengamal, ahli-ahli dan ahli firma telah dianjurkan sebagai forum perbincangan. Pada bulan April 2002, Dr. Abdul Samad Haji Alias selaku Presiden dan Pengerusi Amalan Awam, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff serta Ahli Majlis, Tuan Haji Muztaza Mohamad dan Prof. Madya Dr. Nafsiah Mohamed menganjurkan Dialog Ahli dan Pengamal di Kuching bagi membincangkan wawasan strategik Institut. Berikutan dari dialog ini, Pengerusi Cawangan telah menganjurkan dialog yang serupa dengan ahli-ahli di Sibu, Miri dan Bintulu.

Pengerusi Cawangan Sarawak mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa yang terdahulu dan terkini atas sumbangan mereka yang tidak ternilai dan mengharapkan tahun yang akan datang lebih cemerlang. Beliau menggalakkan semua ahli memainkan peranan yang aktif dalam aktiviti-aktiviti Cawangan dan juga menggunakan sepenuhnya kemudahan perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di pejabat Cawangan di Kuching.



CONCLUSION

After perusing this report, members would be aware that the profession and the Institute are going through very challenging times. Accountants, especially auditors, are under public scrutiny arising from the Enron case and other cases in the United States of America. Competition for members will be imminent as a result of globalisation and liberalisation policies. The profile of accountants has to be raised by not only having higher standards of practice and conduct, but there is also a need to ensure that all members achieve and maintain those standards.

The Council has, during the past year, strived to do its best for the Institute and the profession. As can be seen from this report, much has been done but much more needs to be achieved. The Council would like to thank all members of the various Committees, Task Forces and Working Groups, including those at the Institute's Branches and Centres for their contributions and support during the year. Without their support and assistance, the Council would not have been able to carry out its many projects, tasks and activities.

However, as stated, much more needs to be done and the Council looks forward to the continuing support of not only those members mentioned above, but also that of all individual members of the Institute. Every member needs to uphold the dignity and integrity of the profession if our profession is to remain relevant in these challenging and turbulent times.

Last but not least, the Council would like to recognise the commitment, dedication and hard work put in by the staff of the Secretariat. They have carried out their many duties and tasks well, in supporting the Committees, Task Forces and Working Groups as well as individual members. To them, the Council would like to extend its heartfelt thanks for a job well done.

On behalf of the Council,

Dr. Abdul Samad Haji Alias
President and
Chairman of the Council

KESIMPULAN

Setelah meneliti laporan ini, para ahli akan sedar profesion dan Institut sedang melalui masa dengan penuh cabaran. Akauntan, terutamanya juruaudit, adalah di bawah penilitian awam berikutan dari kes Enron dan kes-kes yang lain di Amerika Syarikat. Persaingan untuk ahli akan berlaku tidak lama lagi disebabkan oleh dasar globalisasi dan liberalisasi. Profil akauntan perlu dipertingkatkan bukan sahaja dengan mengadakan piawaian amalan dan kelakuan yang tinggi, tetapi juga perlu memastikan kesemua ahli mencapai dan mengekalkan piawaian tersebut.

Majlis, sepanjang tahun lepas, berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk Institut dan profesion. Daripada laporan ini dapat dilihat, banyak perkara telah dijalankan tetapi banyak juga perkara yang perlu dilaksanakan. Majlis mengucapkan terima kasih kepada semua ahli dari pelbagai Jawatankuasa, Badan Bertindak dan Kumpulan-kumpulan Kerja, termasuk Cawangan-cawangan dan Pusat-pusat Institut di atas sumbangan dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun ini. Tanpa sokongan dan bantuan mereka, Majlis tidak dapat meneruskan pelbagai projek, tugas dan aktiviti.

Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan, terdapat banyak lagi perkara yang perlu dijalankan dan Majlis mengharapkan sokongan yang berterusan daripada ahli yang disebutkan di atas, juga kesemua ahli individu Institut. Setiap ahli perlu mendukung maruah dan integriti profesion sekiranya inginkan profesion terus bertahan di waktu ini yang penuh dengan cabaran dan golakan.

Bagi pihak Majlis,

Dr. Abdul Samad Haji Alias
Presiden dan Pengerusi Majlis



2002 ANNUAL REPORT AND FINANCIAL STATEMENTS



CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF THE MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS FOR THE YEAR ENDED 30 JUNE 2002

The balance sheet of the Malaysian Institute of Accountants as of June 30, 2002, statement of income and expenditure, statement of changes in accumulated fund and cash flow statement for the year then ended have been examined by Messrs. Headir & Co., Chartered Accountants, under my direction. These financial statements are the responsibility of the management of the Malaysian Institute of Accountants. My responsibility is to express an opinion on these financial statements based on my audit.

